


**VAKSIN** mampu melindungi manusia daripada virus pembawa penyakit.  
- GAMBAR HUSNAN



**PENGAMBILAN** vaksin Covid-19 mampu mencegah penyakit yang teruk dan kemasukan ke hospital.  
- GAMBAR HUSNAN



Varia

Oleh  
**DR. AHMAD MAHFUZ GAZALI**

## Promosi kebaikan vaksin sepanjang masa

**S**AYA terpenggil untuk memberikan respons kepada rencana yang bertajuk *Startling Rise In Measles Cases* yang diterbitkan dalam akhbar *The Star* pada 4 Mac lalu.

Selaras ayat daripada artikel tersebut yang membuatkan saya risau: "Walaupun vaksin campak mencapai 95 peratus setiap tahun, lima peratus (kira-kira 20,000 hingga 25,000) kanak-kanak yang layak masih tidak divaksin. Selama bertahun-tahun, jumlah ini meningkat dan mereka kekal terdedah kepada campak."

Untuk makluman, vaksin campak bukanlah baharu di Malaysia.

Vaksin tersebut telah dipilih sebagai sebahagian daripada Program Inisiasi Kebangsaan (PIK) sejak tahun 1990-an.

Walaupun vaksin campak adalah antara vaksin yang paling awal diperkenalkan di Malaysia, namun apa yang membimbangkan bilangan kanak-kanak yang menerima vaksin itu semakin berkurangan di Malaysia.

Sepertimana yang dilaporkan oleh media, 206 kes campak dicatatkan di seluruh negara pada 2022 berbanding dengan 128 kes campak pada tahun sebelumnya.

Artikel tersebut menyatakan, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika pandemik Covid-19 memberi impak besar terhadap jumlah pengambilan vaksin.

Ketika PKP, jumlah ibu bapa yang membawa anak-anak mereka untuk menerima vaksin di bawah PIK lebih sedikit berbanding sebelumnya.

Selain kesan PKP, peningkatan kanak-kanak yang tidak divaksin juga disebabkan oleh faktor vaccine



**HANYA 50 peratus** penduduk Malaysia mengambil dos penggalak pertama dan kedua Covid-19. - GAMBAR HUSNAN

hesitancy yang disenarai oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai salah satu daripada ancaman antarabangsa peringkat global pada tahun 2019.

Vaccine hesitancy bermaksud penagguhan atau keengganan untuk mengambil vaksin, walaupun ia boleh diatasi dengan mudah.

Kita dapat melihat trend yang sama dengan vaksin Covid-19 beratusannya des penggalak kedua Covid-19.

Hanya 45.5 hingga 50 peratus penduduk

Malaysia mengambil dos penggalak kedua dan pertama.

Ini jauh berbeza daripada 84.4 peratus penduduk Malaysia yang telah lengkap dua dos vaksin Covid-19.

Tidak dinafikan bahawa 'mandat' vaksin merupakan faktor utama yang menyumbang peratusan tinggi penduduk Malaysia melengkapkan dua dos vaksin Covid-19.

Rah yang jelas, komunikasi berkesan, vaksin Covid-19 adalah sangat jelas dan mudah difahami.

Mantan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan bekas Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah secara konsisten mempromosikan serta mengingatkan masyarakat akan pentingnya mengambil vaksin Covid-19.

Bagaimanapun, kita tidak melihat usaha yang sama dilakukan untuk dos penggalak Covid-19.

Menurut laporan daripada Ketua Audit Negara, lebih 1.1 juta dos vaksin Covid-19 terpaksa dibuang kerana sudah melepasi tarikh luput.

Komunikasi berkenaan vaksin mesti jelas, mudah difahami dan menjawab soalan asas iaitu apa, siapa, bila, di mana, bagaimana dan kenapa.

Sebagai contoh, vaksin Covid-19 berfungsi untuk mencegah penyakit yang teruk dan kemasukan ke hospital, bukannya untuk mengelakkan jangkitan serta transmisi.

Sejaj yang jelas dan mudah difahami ini mesti dipraktikkan untuk semua vaksin, bukan sahaja vaksin yang ditawarkan dalam PIK.

Sebagai contoh, kegunaan vaksin influenza, meningitis dan virus human papilloma mesti dipromosikan serta diberikan mesej yang jelas.

Sejarah telah membuktikan bahawa vaksin dapat melindungi manusia daripada pelbagai penyakit berjangkit yang berbahaya seperti campak atau meningitis. Oleh itu, komunikasi vaksin mestilah jelas dan mudah difahami oleh masyarakat.

**DR. AHMAD MAHFUZ GAZALI** ialah Penasihat Kanan, Pakatan Sarawak dan Terengganu di Kementerian Kesihatan Malaysia, Penang (UM).  
- GAMBAR HUSNAN